

Artikel

Analisis Keberkesanan dan Kepuasan Terhadap Program Pembangunan Kapasiti Wanita di Malaysia (2022-2023)

(An Analysis of the Effectiveness and Participant Satisfaction with Women's Capacity Development Programs in Malaysia (2022-2023))

Zaimah, R.^{1*}, Sarmila, M. S.¹, Suhana, S.¹ & Kimong, P. J.²

¹Program Sains Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: zaimahr@ukm.edu.my

Diserah: 18 Mei 2025

Diterima: 15 Julai 2025

Abstrak: Pelbagai inisiatif pembangunan kapasiti wanita telah dilaksanakan di Malaysia sebagai strategi untuk memperkasa kedudukan ekonomi wanita, khususnya dalam menjana pendapatan secara mampan. Kajian ini dijalankan bagi menilai hubungan antara tahap keberkesanan program pembangunan kapasiti wanita yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan tahap kepuasan peserta program. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk survei, melibatkan 261 orang wanita yang telah menyertai program pembangunan kapasiti anjuran JPW. Teknik persampelan bertujuan digunakan bagi mendapatkan sampel yang relevan, manakala instrumen kajian terdiri daripada soal selidik berskala Likert lima mata. Analisis deskriptif telah dilaksanakan bagi menilai tahap keberkesanan program dan tahap kepuasan peserta, yang diklasifikasikan kepada tiga aras utama, iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap keberkesanan program berada pada aras tinggi, seiring dengan tahap kepuasan peserta yang turut berada pada aras yang sama. Hubungan positif yang wujud antara keberkesanan program dan kepuasan peserta memberikan petunjuk bahawa kualiti pelaksanaan program memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk persepsi serta tahap kepuasan peserta terhadap program yang dijalankan. Kajian ini mencadangkan agar program pembangunan kapasiti wanita diteruskan dengan penambahbaikan berterusan yang mengambil kira keperluan semasa serta ciri-ciri khusus kumpulan sasar.

Kata kunci: Keberkesanan program; kepuasan peserta; pembangunan kapasiti; penjanaan pendapatan; wanita

Abstract: Malaysia has implemented various women's capacity development initiatives as a strategy to empower women economically, particularly in achieving sustainable income generation. This study was conducted to assess the relationship between the effectiveness of women's capacity development programs organised by the Department of Women's Development (JPW) and participants' satisfaction. A quantitative approach was adopted using a survey design, involving 261 women who had participated in capacity development programmes organised by JPW. Purposive sampling was employed to obtain relevant respondents, while the research instrument comprised a five-point Likert scale questionnaire. Descriptive analysis was conducted to evaluate the levels of programme effectiveness and participant satisfaction, which were categorised into three levels: low, moderate, and high. The findings revealed that the effectiveness of the programme was at a high level, which corresponded with the high level of satisfaction among participants.

The positive relationship between programme effectiveness and participant satisfaction indicates that the quality of programme implementation plays a significant role in shaping participants' perceptions and satisfaction with the programme. This study recommends that women's capacity development programmes be continued with ongoing improvements that take into account current needs and the specific characteristics of the target group.

Keywords: Program effectiveness; participant satisfaction; capacity building; income generation; women

Pendahuluan

Secara global, pembangunan kapasiti wanita telah dikenalpasti sebagai salah satu strategi yang paling berkesan dalam usaha memperkasa wanita, khususnya dari sudut peningkatan ekonomi dan kesejahteraan sosial (Muhammad Fatah, 2020; Jena et al., 2021; Gomber & Musa, 2022; Ali & Kamraju, 2023). Di negara-negara membangun, pelaksanaan program seperti latihan keusahawanan, pengukuhan kemahiran teknikal, serta peningkatan literasi kewangan telah terbukti berupaya memutuskan rantaian kemiskinan dalam kalangan wanita. Secara tidak langsung, pendekatan ini bukan sahaja memperkuuh daya saing ekonomi wanita, malah turut menggalakkan penglibatan aktif mereka dalam pembangunan ekonomi keluarga dan komuniti (Purnamawati & Utama, 2019; Matovu, 2021; Hashim et al., 2023).

Di Malaysia, pengiktirafan terhadap peranan wanita dalam pembangunan negara telah mendorong pelaksanaan pelbagai dasar dan program pembangunan kapasiti Wanita (KPWKM, 2024). Antaranya ialah inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang berfungsi sebagai agensi utama dalam merangka dan melaksanakan program-program pembangunan kapasiti Wanita (KPWKM, 2024). Program-program seperti *WeJana*, *WeBridge* dan *OMEGA* telah dilancarkan sebagai platform untuk meningkatkan keupayaan ekonomi wanita melalui latihan keusahawanan, bimbingan teknikal, dan penghasilan produk berdasarkan prinsip kelestarian.

Sebagai contoh, Program *WeJana* menyasarkan wanita yang baru berjinak dalam bidang keusahawanan dengan menyediakan latihan asas dan motivasi, manakala *WeBridge* memberi penekanan kepada pembangunan perniagaan bagi usahawan wanita sedia ada (KPWKM, 2024). Program *OMEGA* pula memberi fokus kepada pembangunan produk bernilai komersial berdasarkan bahan terpakai, sebagai pendekatan keusahawanan lestari (KPWKM, 2024). Pelaksanaan program ini turut menyokong aspirasi Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) yang menekankan pemerkasaan wanita dan peningkatan penyertaan dalam tenaga buruh serta Pelan Strategik KPWKM di bawah Teras 2 iaitu memperkasakan Wanita.

Walaupun pelbagai program pembangunan kapasiti wanita telah diperkenalkan oleh agensi kerajaan, terdapat kekurangan kajian empirikal tempatan yang meneliti secara menyeluruh tentang hubungan antara tahap keberkesaan program dengan tahap kepuasan peserta. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada pencapaian program dari sudut impak luaran atau keberhasilan ekonomi semata-mata tanpa menilai secara mendalam pengalaman dan persepsi peserta sebagai penerima manfaat langsung. Tambahan pula, penilaian secara bersepudu terhadap pelaksanaan program seperti *WeJana*, *WeBridge* dan *OMEGA* dalam konteks pasca pandemik masih terhad dalam literatur Malaysia.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menyediakan bukti empirikal terkini mengenai keberkesaan pelaksanaan program pembangunan kapasiti wanita oleh JPW serta hubungannya dengan tahap kepuasan peserta bagi tempoh tahun 2022 hingga 2023. Penilaian ini penting bagi memastikan pelaksanaan program lebih bersasar, berimpak dan selari dengan keperluan semasa wanita dalam konteks pembangunan ekonomi mampan.

Sorotan Literatur

Pemerkasaan wanita merupakan agenda penting dalam pembangunan global dan nasional, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (World Bank, 2024; UN Women, 2024; World Economic Forum, 2024). Matlamat ini menekankan kesaksamaan gender dan peningkatan keupayaan wanita sebagai elemen

penting dalam membasmi kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Sehubungan itu, pelbagai negara telah melaksanakan program pembangunan kapasiti wanita, khususnya melalui aktiviti penjanaan pendapatan bagi memperkuuh kedudukan ekonomi golongan ini (Hegde, 2020; Malyadri, 2020).

Kajian oleh Hegde (2020) mendapati bahawa wanita masih berdepan pelbagai bentuk ketidaksamaan yang secara langsung menyumbang kepada kadar kemiskinan dan buta huruf yang tinggi. Sehubungan itu, pelaksanaan program penjanaan pendapatan dilihat sebagai strategi jangka sederhana yang berpotensi meningkatkan taraf sosioekonomi wanita, khususnya di kawasan luar bandar. Kajian Malyadri (2020) turut melaporkan peningkatan ketara dalam pendapatan wanita yang menyertai program-program kebajikan khusus dengan majoriti majoriti responden menyatakan tahap kepuasan yang tinggi terhadap impak program tersebut. Sementara itu, Jena et al. (2021) menekankan keperluan latihan kemahiran dalam bidang pertanian dan penjagaan sebagai langkah menyokong keberkesanan intervensi ekonomi terhadap wanita luar bandar.

Seterusnya, kajian oleh Matovu (2021) menunjukkan bahawa penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi di Uganda telah meningkat, walaupun kebanyakannya mereka masih berada dalam sektor tidak formal yang berpendapatan rendah. Gombe dan Musa (2022) turut melaporkan bahawa persepsi masyarakat yang melihat wanita sebagai entiti domestik masih mengekang penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi. Dalam konteks Ethiopia, Alemu et al. (2022) menggariskan pelbagai pemboleh ubah yang mempengaruhi tahap penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi, termasuk umur, tahap pendidikan, saiz isi rumah, akses kepada kredit, serta sokongan suami. Kajian ini juga menyoroti kekangan budaya dan sosial sebagai antara cabaran utama yang menjelaskan keberkesanan program pembangunan wanita.

Di Bangladesh, Parvin et al. (2018) telah menilai keberkesanan Projek Penciptaan Pekerjaan Wanita Luar Bandar (RWECP) di Dumuria. Dapatkan kajian-menunjukkan bahawa aktiviti ekonomi yang disokong oleh RWECP memberi kesan positif terhadap pemerkasaan wanita, terutamanya akses kepada keperluan asas dan peningkatan keupayaan membuat keputusan dalam rumah tangga. Selaras dengan itu, kajian oleh Bank Dunia (2024) mengenai kesan program pemberian tunai dan latihan kepada wanita luar bandar di Tunisia mendapati peningkatan 45% dalam penglibatan aktiviti ekonomi serta peningkatan pendapatan sebanyak 61% berbanding kumpulan kawalan.

Dalam konteks Asia Tenggara, Muhammad Fatah (2020) menilai keberkesanan Program Usaha Peningkatan Pendapatan Keluarga (UP2K-PKK), dan mendapati peningkatan ketara dalam pendapatan, pembangunan sumber manusia, dan rangkaian keusahawanan dalam kalangan peserta. Kajian oleh Ary Ratih dan Eka Lestari (2021) menyokong dapatan ini apabila mereka mendapati bahawa program keusahawanan wanita dalam era Revolusi Industri 4.0 bukan sahaja berupaya meningkatkan pendapatan isi rumah, tetapi juga mendorong penyertaan wanita secara lebih aktif dalam kegiatan ekonomi. Kajian oleh IJSR (2016) dan Juli et al. (2025) pula menunjukkan bahawa tahap kepuasan wanita terhadap penglibatan ekonomi meningkat seiring dengan peningkatan usia, pengalaman perniagaan dan tahap pendidikan. Wanita dalam lingkungan umur 40–49 tahun, dengan pengalaman lebih 16 tahun dalam perniagaan serta berpendidikan tinggi, melaporkan tahap kepuasan yang lebih tinggi serta tahap konflik kerja-keluarga yang lebih rendah.

Di Malaysia, wanita merupakan kumpulan sasaran utama dalam pelaksanaan dasar pembangunan sumber manusia. Purnamawati dan Utama (2019) menegaskan bahawa kegagalan memperkasakan wanita akan mengakibatkan kehilangan potensi ekonomi negara. Oleh itu, aspek seperti penyediaan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan, kemudahan sokongan dan penglibatan dalam bidang keusahawanan sering menjadi tumpuan dalam dasar pemerkasaan wanita. Siti Aishah et al. (2024) dan Anon (2024) mengenal pasti lima pamacu utama dalam mempercepatkan pemerkasaan ekonomi wanita, iaitu akses kepada sumber, peluang pekerjaan yang adil, pengurusan masa yang efisien, keselamatan sosial, dan pengiktirafan hak-hak wanita.

Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), antaranya Program Wanita Bangkit@KPWKM dan MyKasih Kapital yang dilaporkan berjaya meningkatkan pendapatan lebih 14,000 wanita (Astrowani, 2024a). Di samping itu, program latihan perniagaan untuk wanita terkesan turut ditawarkan sebagai sebahagian daripada inisiatif pemuliharaan ekonomi. Program WeJana pula disasarkan kepada suri rumah yang menjalankan kerja penjagaan

tidak berbayar, dengan modul latihan yang merangkumi kewangan, pemasaran, penjenamaan, dan perkhidmatan pelanggan (KPWKM, 2024).

Dalam kajian Mohamad Ali (2018) terhadap projek “Mon Marché Social” di Johor, didapati berlaku peningkatan pendapatan serta perkembangan kemahiran peserta dalam bidang pemasaran dan jaringan perniagaan. Peserta juga menunjukkan peningkatan dalam keyakinan diri dan profesionalisme. Sementara itu, kajian Mohamad Sahizam (2018) terhadap Program KUNITA di Terengganu melaporkan bahawa bantuan kerajaan seperti kursus dan pemberian peralatan telah menyumbang kepada peningkatan keberkesanan program, meskipun tahap keberkesanan keseluruhan masih sederhana disebabkan olehkekangan seperti dana yang terhad dan kelemahan dalam pelaksanaan.

Nor Hayati Fatmi et al. (2020) mendapati bahawa tahap pendidikan wanita merupakan faktor penentu utama kesediaan mereka untuk terlibat dalam pembangunan ekonomi. Manakala Hashim et al. (2023) mengenal pasti tiga faktor utama yang menyumbang kepada keberkesanan program pemerkasaan wanita, iaitu penglibatan dalam program kewangan mikro, pembangunan modal sosial, dan penyertaan dalam latihan. Kajian ini turut menunjukkan bahawa faktor lokasi geografi adalah kurang signifikan berbanding elemen dalaman seperti sokongan komuniti dan akses kepada sumber latihan.

Secara keseluruhan, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap keberkesanan dan kepuasan peserta terhadap program pembangunan kapasiti wanita dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk akses kepada latihan, bantuan modal, sokongan sosial dan struktur pelaksanaan program. Meskipun dapatan global dan tempatan menunjukkan kesan positif terhadap pendapatan, pemerkasaan sosial dan penglibatan ekonomi wanita, masih terdapat jurang empirikal yang ketara. Kebanyakan kajian terdahulu cenderung menilai impak secara umum, tanpa meneliti hubungan langsung antara tahap pelaksanaan program dengan kepuasan sebenar peserta yang terlibat secara aktif. Di Malaysia, kajian sering bersifat kajian kes terasing dan kurang memberi penilaian menyeluruh terhadap program terkini yang dilaksanakan oleh agensi utama seperti Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Isu-isu pelaksanaan seperti kekangan dana, kelemahan pemantauan, dan ketidakpadanan modul latihan dengan keperluan sebenar kumpulan sasar juga masih kurang didokumentasikan secara sistematik dan empirikal.

Metodologi Kajian

Pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan telah digunakan bagi memperoleh data kajian. Reka bentuk kajian adalah secara keratan rentas (*cross-sectional*), selaras dengan kekangan masa yang dihadapi penyelidik. Populasi kajian terdiri daripada semua wanita yang pernah menyertai program pembangunan kapasiti wanita anjuran 12 Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Sampel kajian pula merangkumi sebahagian daripada populasi tersebut, iaitu wanita yang pernah terlibat dalam program-program berkenaan. Saiz sampel yang disasarkan adalah seramai 360 orang, dengan pengambilan 30 responden bagi setiap pejabat JPW.

Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dalam bagi pemilihan sampel kajian ini. Instrumen utama yang digunakan dalam pengumpulan data ialah borang soal selidik yang dibangunkan secara teliti bagi memastikan kesesuaian kandungan dengan objektif kajian. Keberkesanan program diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu: 1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Sederhana setuju, 4=Setuju, dan 5=Sangat setuju. Kepuasan peserta juga diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu: 1=Sangat tidak puashati, 2=Tidak puashati, 3=Sederhana puashati, 4=Puashati, dan 5=Sangat puashati. Kajian rintis telah dijalankan melibatkan 44 orang peserta program. Nilai kebolehpercayaan (*Cronbach's Alpha*) bagi keberkesanan program adalah sangat baik ($\alpha = 0.963$), manakala bagi kepuasan peserta adalah baik ($\alpha = 0.878$) (Namdeo & Rout, 2017).

Kajian lapangan telah dijalankan selama tempoh satu bulan dan berjaya memperoleh sebanyak 261 responden. Analisis data secara deskriptif digunakan untuk menghuraikan dapatan kajian secara keseluruhan. Tahap keberkesanan program diukur berdasarkan skor min yang dikategorikan kepada tiga tahap, iaitu keberkesanan rendah (1.00–2.33), keberkesanan sederhana (2.34–3.66), dan keberkesanan tinggi (3.67–5.00). Tahap kepuasan program turut dikategorikan mengikut skor min kepada tiga tahap, iaitu kepuasan rendah (1.00–2.33), kepuasan sederhana (2.34–3.66), dan kepuasan tinggi (3.67–5.00).

Analisis korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis hubungan antara keberkesan program dengan kepuasan peserta. Kaedah ini membolehkan kajian mengenal pasti sama ada peningkatan dalam keberkesan program berkait rapat dengan peningkatan kepuasan peserta. Penafsiran nilai pekali korelasi (*r*) adalah berdasarkan panduan Taylor (1990) yang mengklasifikasikan kekuatan hubungan kepada lemah (0.10–0.29), sederhana (0.30–0.49) dan kuat (0.50–1.00). Selain itu, panduan tambahan Cohen (2013) turut digunakan untuk menyokong penilaian interpretatif yang mengambil kira konteks sains sosial dalam menentukan tahap signifikan praktikal bagi sesuatu hubungan statistik.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Jadual 1 memperlihatkan taburan profil demografi responden kajian. Sebilangan besar daripada responden adalah berketurunan Melayu, merangkumi 89.2% daripada keseluruhan sampel, diikuti oleh Bumiputera Sabah (6.9%), India (3.1%), Cina (0.4%), dan lain-lain etnik (0.8%). Dari segi pegangan agama, majoriti responden beragama Islam (96.2%), manakala selebihnya terdiri daripada pengikut Hindu (2.3%), Kristian (1.1%) dan Buddha (0.4%). Berdasarkan kategori umur, dua kumpulan terbesar terdiri daripada mereka yang berumur antara 31 hingga 40 tahun (37.0%) serta 41 hingga 50 tahun (37.4%). Seterusnya, 14.5% responden berada dalam lingkungan umur 51 hingga 60 tahun, diikuti oleh responden berumur 30 tahun ke bawah (7.4%) dan melebihi 60 tahun (3.4%). Secara keseluruhannya, julat umur responden adalah antara 22 hingga 67 tahun, dengan purata umur direkodkan pada 38 tahun.

Jadual 1. Profil Responden

Profil Responden	Bil.	%	Profil Responden	Bil.	%
Etnik:					Status perkahwinan:
Melayu	232	88.9	Bujang	25	9.6
Cina	1	0.4	Berkahwin	180	69.0
India	8	3.1	Ibu tunggal	46	17.6
Bumiputera Sabah	18	6.9	Ibu tinggal	2	0.8
Lain-lain	2	0.8	Bercerai	8	3.1
Agama:					Bilangan ahli isi rumah:
Islam	251	96.2	1-4 orang	119	45.6
Hindu	6	2.3	5-9 orang	137	52.5
Kristian	3	1.1	>10 orang	4	1.5
Buddha	1	0.4	Tiada maklumat	1	0.4
Umur:					Tahap pendidikan:
≤30 tahun	19	7.4	Tidak bersekolah	2	0.8
31-40 tahun	97	37.0	Sekolah rendah	7	2.7
41-50 tahun	98	37.4	Sekolah menengah	142	54.4
51-60 tahun	38	14.5	Diploma/ STPM	62	23.8
>60 tahun	9	3.4	Ijazah	48	18.4


Dari aspek status perkahwinan, sebahagian besar responden merupakan wanita yang telah berkahwin (69.0%), diikuti oleh ibu tunggal (17.6%), wanita bujang (9.6%), yang telah bercerai (3.1%) serta ibu tinggal (0.8%). Dari segi bilangan ahli isi rumah, lebih separuh responden tinggal dalam keluarga yang terdiri daripada lima hingga sembilan orang (52.5%), manakala 45.6% tinggal dalam isi rumah yang lebih kecil, iaitu antara satu hingga empat orang. Hanya sebilangan kecil responden (1.5%) melaporkan mempunyai sepuluh ahli isi rumah atau lebih. Dalam konteks pendidikan, majoriti responden mempunyai latar belakang pendidikan menengah (54.4%), diikuti oleh mereka yang memiliki kelayakan Diploma atau STPM (23.8%), dan Ijazah (18.4%). Selebihnya terdiri daripada individu yang hanya berpendidikan sekolah rendah (2.7%) atau tidak bersekolah (0.8%).

1. Maklumat Program

Sebahagian besar responden menyertai program WeJANA (66.3%), diikuti WeBRIDGE (19.2%) dan OMEGA (3.4%). Terdapat juga penyertaan berganda dalam kombinasi dua program, serta penglibatan kecil dalam program lain seperti Jelita dan NCER (3.4%). Seramai 2.3% responden tidak menyatakan program yang disertai. Dari segi tahun penyertaan, kebanyakannya peserta WeJANA terlibat pada 2023 (36.8%), manakala penyertaan WeBRIDGE lebih tinggi pada 2022 (14.6%). Program OMEGA hanya ditawarkan pada 2023, manakala penyertaan program lain turut meningkat pada tahun tersebut. Selepas menyertai program PPKW, majoriti responden (96.2%) melaporkan telah memulakan atau meneruskan aktiviti perniagaan, menunjukkan keberkesanan program dalam merangsang penglibatan ekonomi peserta.

Rajah 1 menunjukkan jenis perniagaan yang diceburi oleh responden sebelum dan selepas penyertaan dalam program penjanaan pendapatan. Majoriti responden menjalankan perniagaan berasaskan makanan (46.0%), diikuti oleh bidang jahitan dan kraftangan (11.5%), spa, urutan dan kecantikan (7.3%), serta perkhidmatan seperti perancangan acara, dekorasi majlis dan penyediaan jambangan bunga (4.6%). Sebanyak 20.3% responden turut melibatkan diri dalam pelbagai perniagaan lain termasuk peruncitan, perniagaan dalam talian, dropshipping, perkhidmatan runner, percetakan dan jualan pakaian. Namun, 10.4% responden tidak memberikan maklum balas terhadap soalan berkaitan.


Selepas menyertai program PPKW, hampir separuh daripada responden melibatkan diri dalam perniagaan berasaskan makanan (47.1%). Penyertaan turut ketara dalam bidang jahitan dan kraftangan (14.9%), spa, urutan dan kecantikan (11.9%), serta perkhidmatan seperti perancangan acara, dekorasi dan penyediaan jambangan bunga (6.9%). Selain itu, 14.2% responden menjalankan pelbagai bentuk perniagaan lain seperti ejen takaful, perniagaan atas talian, dropshipping, runner, percetakan, penternakan dan pertanian. Namun begitu, 5.0% responden tidak menyatakan jenis perniagaan yang diceburi selepas program.



Rajah 1. Jenis perniagaan sebelum dan selepas menyertai program

Rajah 2 menunjukkan pendapatan bulanan responden sebelum dan selepas penyertaan dalam program. Sebahagian besar responden memperoleh pendapatan antara RM1,000 hingga RM1,999 (33.7%), diikuti oleh kategori RM500 hingga RM999 (20.3%) dan RM2,000 hingga RM2,999 (16.1%). Seramai 13.4% responden berpendapatan kurang daripada RM500, manakala 10.3% berada dalam julat RM3,000 hingga RM3,999. Hanya sebilangan kecil mencatatkan pendapatan RM5,000 ke atas (3.4%) atau tidak mempunyai sebarang pendapatan (2.7%). Dapatkan ini sejajar dengan maklumat tambahan yang menunjukkan sebilangan responden merupakan suri rumah sepenuh masa. Dari segi pengalaman perniagaan, majoriti responden (88.5%) telah menjalankan perniagaan sebelum menyertai program PPKW, manakala hanya 11.5% tidak mempunyai sebarang pengalaman terdahulu.

Pendapatan bulanan responden selepas penyertaan dalam program PPKW menunjukkan bahawa majoriti berada dalam julat RM1,000 hingga RM1,999 (26.8%), diikuti oleh RM500 hingga RM999 (18.4%), RM2,000 hingga RM2,999 (18.0%), dan RM3,000 hingga RM3,999 (11.9%). Sebilangan kecil responden mencatatkan pendapatan lebih tinggi, dengan 9.6% memperoleh lebih RM5,000 dan 1.1% dalam julat RM4,000 hingga RM4,999. Sementara itu, 10.0% melaporkan pendapatan kurang daripada RM500, manakala 4.2% tidak mempunyai sebarang pendapatan. Dapatan ini selari dengan maklumat sebelum ini yang menunjukkan bahawa 5.8% responden tidak terlibat dalam sebarang aktiviti perniagaan selepas menyertai program.



Rajah 2. Pendapatan bulanan responden sebelum dan selepas menyertai program

2. Keberkesanan Penjanaan Pendapatan

Jadual 2 menunjukkan skor purata keberkesanan penjanaan pendapatan responden. Skor purata bagi Pernyataan 1 ialah 4.51, menjadikannya skor tertinggi dalam keseluruhan konstruk keberkesanan penjanaan pendapatan. Skor ini menunjukkan peserta mempunyai tekad untuk menjana pendapatan sendiri selepas menyertai program. Seterusnya skor purata bagi Pernyataan 2 ialah 4.50 dan Pernyataan 3 ialah 4.48, menjadikan kedua-duanya antara skor tertinggi yang direkodkan dalam konstruk keberkesanan penjanaan pendapatan. Kedua skor tersebut menunjukkan peserta mempunyai motivasi dan keyakinan untuk menjana pendapatan sendiri selepas menyertai program. Skor purata bagi Pernyataan 4 ialah 4.47, iaitu mencerminkan tahap kesedaran yang kukuh dalam kalangan responden. Manakala skor purata bagi Pernyataan 5 adalah 4.40, juga mencerminkan tahap keyakinan diri yang tinggi dalam kalangan peserta selepas mengikuti program. Skor purata bagi Pernyataan 6 ialah 4.39, yang mencerminkan tahap keupayaan kendiri yang tinggi dalam kalangan peserta program. Skor purata bagi Pernyataan 7 (4.38) pula menunjukkan persepsi positif responden terhadap pengetahuan yang diperoleh daripada program. Akhir sekali skor purata bagi Pernyataan 8 ialah 4.35, menjadikannya yang paling rendah berbanding pernyataan lain dalam konstruk keberkesanan, namun masih berada dalam kategori sangat tinggi.

Berdasarkan skor purata yang diperoleh lapan pernyataan berkaitan, keberkesanan program penjanaan pendapatan mencatat skor kumulatif sebanyak 4.44 yang dikategorikan dalam julat tinggi berdasarkan skala Likert lima mata yang digunakan dalam kajian ini. Skor tinggi ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mempunyai persepsi yang positif terhadap impak program, khususnya dalam aspek peningkatan keupayaan menjana pendapatan. Walau bagaimanapun, skor ini tidak harus dilihat secara literal sebagai kejayaan mutlak, sebaliknya perlu dianalisis dalam konteks sosial dan ekonomi peserta. Majoriti peserta terdiri daripada wanita yang berpendapatan rendah atau tiada pendapatan tetap sebelum mengikuti program, dan justeru sebarang perubahan kecil dalam kemampuan menjana pendapatan boleh dianggap sebagai signifikan dari sudut pengalaman mereka. Ini selari dengan dapatan Hashim et al. (2023), Ary Ratih

et al. (2021) dan Jena et al. (2021) yang menunjukkan peningkatan pendapatan wanita lazimnya dikaitkan dengan pemberdayaan melalui latihan, sokongan komuniti dan akses kepada kemudahan asas.

Dalam konteks Malaysia, keberkesanan program yang tinggi ini juga mungkin dipengaruhi oleh kesesuaian pendekatan yang digunakan oleh JPW, termasuk modul latihan yang praktikal, pemantauan berterusan dan penyampaian yang mesra komuniti. Selain itu, faktor-faktor sosio-budaya seperti peranan wanita dalam ekonomi isi rumah serta sokongan keluarga turut menyumbang kepada tahap penerimaan dan penghayatan peserta terhadap kandungan program. Oleh itu, skor tinggi yang diperoleh bukan sahaja mencerminkan keberkesanan teknikal program, tetapi juga menunjukkan bahawa program ini berjaya menyesuaikan diri dengan keperluan kontekstual peserta. Justeru, intervensi sebegini bukan sahaja wajar diteruskan, malah perlu diperluas dengan mengambil kira keperluan setempat, termasuk kebolehcapaian kepada kumpulan sasar yang lebih terpinggir dan peningkatan komponen sokongan pasca latihan.

Jadual 2. Keberkesanan penjanaan pendapatan responden

Pernyataan	Purata	Sisihan Piawai
1. Saya mempunyai azam/tekad untuk menjana pendapatan sendiri selepas menyertai program penjanaan pendapatan.	4.51	0.64
2. Saya mempunyai motivasi untuk menjana pendapatan selepas menyertai program penjanaan pendapatan.	4.50	0.62
3. Saya mempunyai keyakinan untuk menjana pendapatan selepas menyertai program penjanaan pendapatan.	4.48	0.62
4. Saya mempunyai kesedaran untuk menjana pendapatan selepas menyertai program penjanaan pendapatan.	4.47	0.68
5. Saya mempunyai pendirian untuk menjana pendapatan sendiri selepas menyertai program penjanaan pendapatan.	4.40	0.69
6. Saya mampu menjana pendapatan selepas menyertai program penjanaan pendapatan.	4.39	0.73
7. Saya mempunyai pengetahuan untuk menjana pendapatan selepas menyertai program penjanaan pendapatan.	4.38	0.74
8. Saya mempunyai kemahiran untuk menjana pendapatan selepas menyertai program penjanaan pendapatan.	4.35	0.75

Petunjuk: 1=sangat tidak setuju; 2=tidak setuju; 3=sederhana setuju; 4=setuju; 5=sangat setuju

3. Kepuasan Peserta Terhadap Program

Jadual 3 menunjukkan tahap kepuasan peserta terhadap program PPKW. Skor purata untuk Pernyataan 1 ialah 4.40, iaitu skor purata tertinggi berbanding pernyataan-pernyataan lain. Skor ini menunjukkan peserta memperolehi pengetahuan baru setelah menyertai program penjanaan pendapatan. Skor purata untuk Pernyataan 2 ialah 4.39, juga tinggi yang menunjukkan peserta berpuashati dengan program yang dikendalikan oleh fasilitator terlatih. Skor purata Pernyataan 3 ialah 4.37, menunjukkan peserta berpuashati dengan hari dan masa pengendalian program dilakukan. Skor purata untuk Pernyataan 4 ialah 4.34, menunjukkan peserta berpuashati dengan Kemahiran yang diperolehi selepas menyertai program. Peserta juga puashati dengan modul pembelajaran program dengan skor purata untuk Pernyataan 5 ialah 4.34. Skor purata untuk Pernyataan 6 ialah 4.03, turut menunjukkan peserta puashati dengan tempoh masa pengendalian program. Sebaliknya, peserta agak kurang puashati dengan peluang untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada program dengan skor purata Pernyataan 7 (3.68), iaitu skor purata terendah berbanding pernyataan-pernyataan yang lain.

Berdasarkan skor purata bagi Pernyataan 1 hingga Pernyataan 7, skor kumulatif kepuasan peserta terhadap program penjanaan pendapatan PPKW adalah sebanyak 4.22 yang tergolong dalam kategori tinggi menurut skala Likert lima mata yang digunakan dalam kajian ini. Skor ini memberi gambaran bahawa para peserta secara umumnya berpuas hati dengan pelaksanaan program, terutamanya dari segi kandungan latihan, kaedah penyampaian dan hasil yang diperoleh dalam bentuk ilmu, kemahiran dan sokongan keusahawanan. Namun begitu, tahap kepuasan yang tinggi ini wajar ditafsirkan secara lebih mendalam dengan mengambil kira latar belakang sosioekonomi peserta, yang kebanyakannya terdiri daripada wanita B40 atau mereka yang sebelum ini kurang akses kepada peluang latihan dan bimbingan formal.

Dalam konteks ini, peningkatan walaupun kecil dalam pengetahuan atau hasil ekonomi mampu memberi kesan besar kepada persepsi peserta, sekali gus menyumbang kepada skor kepuasan yang tinggi. Kajian lepas oleh Hashim et al. (2023) dan Mohd Ali (2018) turut melaporkan dapatan serupa, di mana peserta melahirkan kepuasan terhadap program pembangunan wanita yang menyediakan intervensi bersifat praktikal dan kontekstual. Tambahan pula, pendekatan program yang bersifat mesra komuniti, serta memberi penekanan kepada sokongan pasca latihan dan bimbingan berterusan, berkemungkinan besar telah menyumbang kepada kepuasan peserta yang tinggi.

Namun demikian, skor tinggi ini juga perlu diteliti dari sudut kelangsungan, apakah kepuasan ini diterjemahkan kepada pencapaian sebenar seperti peningkatan pendapatan jangka panjang, kelestarian perniagaan mikro atau pengurangan kebergantungan kepada bantuan kewangan luar. Oleh itu, walaupun skor menunjukkan penerimaan yang baik, ia juga mengisyaratkan keperluan untuk memperkuuh mekanisme penilaian impak jangka sederhana dan panjang dalam pelaksanaan program-program seumpama ini.

Selain itu, dapatan kajian ini turut mengesahkan bahawa pelaksanaan program Pembangunan Kapasiti Wanita (PPKW) oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) adalah selari dengan keperluan serta jangkaan peserta, khususnya dalam aspek peningkatan kesejahteraan ekonomi. Keserasian antara kandungan program dan realiti kehidupan peserta mencerminkan keberkesanan pendekatan berdasarkan komuniti dan keprihatinan terhadap cabaran sebenar yang dihadapi wanita, terutamanya dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah. Tahap kepuasan yang tinggi yang ditunjukkan oleh peserta bukan sahaja mencerminkan kejayaan pelaksanaan semasa, malah menjadi petunjuk penting terhadap potensi program ini untuk dikembangkan kepada kumpulan sasar lain yang menghadapi isu sosioekonomi serupa.

Jadual 3. Kepuasan peserta terhadap program

Pernyataan	Purata	Sisihan Piawai
1. Pengetahuan baru diperolehi selepas menyertai program penjanaan pendapatan.	4.40	0.71
2. Program penjanaan pendapatan dikendalikan oleh fasilitator terlatih.	4.39	0.76
3. Pengendalian program penjanaan pendapatan dilakukan pada hari/masa yang sesuai dengan saya.	4.37	0.71
4. Kemahiran baru diperolehi selepas menyertai program penjanaan pendapatan.	4.34	0.71
5. Modul pembelajaran program penjanaan pendapatan adalah yang terkini.	4.34	0.77
6. Tempoh masa pengendalian program penjanaan pendapatan adalah mencukupi.	4.03	0.91
7. Program penjanaan pendapatan menyediakan peluang untuk mendapatkan bantuan kewangan (geran/pinjaman).	3.68	1.20

4. Hubungan antara Keberkesaan Program dengan Kepuasan Peserta

Analisis korelasi Pearson telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara keberkesaan program dan tahap kepuasan peserta. Keputusan analisis menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat antara kedua-dua pemboleh ubah, iaitu pada nilai pekali korelasi ($r=0.761$) yang signifikan pada aras $p<0.01$. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa semakin tinggi persepsi peserta terhadap keberkesaan program, semakin tinggi juga tahap kepuasan yang mereka rasai. Hal ini secara langsung menegaskan bahawa aspek keberkesaan pelaksanaan yang merangkumi kesesuaian kandungan, keberhasilan Latihan dan sokongan selepas program berperanan besar dalam membentuk kepuasan peserta secara menyeluruh. Penemuan ini

konsisten dengan kajian terdahulu seperti IJSR (2016), Parvin et al. (2018) dan laporan Bank Dunia (2024) yang menunjukkan bahawa program penjanaan pendapatan wanita yang mampu meningkatkan kapasiti ekonomi peserta turut menyumbang kepada peningkatan tahap kepuasan.

Maknanya kepuasan peserta bukan sahaja berkait dengan hasil ekonomi seperti peningkatan pendapatan, tetapi juga dengan perubahan psikososial seperti peningkatan keyakinan diri, rasa dihargai dan kemampuan membuat keputusan dalam kehidupan harian. Oleh itu, dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa keberkesanan program bukan sekadar diukur melalui output kewangan semata-mata, tetapi turut dinilai melalui persepsi peserta terhadap nilai dan impak program dalam kehidupan mereka. Justeru, dalam merangka dan menambah baik program pembangunan kapasiti wanita, aspek keberkesanan pelaksanaan perlu diberi perhatian serius sebagai pemacu utama kepuasan dan keterlibatan berterusan peserta.

Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa program Pembangunan Kapasiti Wanita (PPKW) yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mencapai tahap keberkesanan yang tinggi dalam meningkatkan keupayaan peserta untuk menjana pendapatan. Keberkesanan ini secara tidak langsung mencerminkan kekuatan pendekatan program yang berfokus kepada pemindahan ilmu, kemahiran keusahawanan dan penyediaan sokongan teknikal yang bersesuaian dengan realiti kehidupan wanita, khususnya dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah. Penemuan ini juga selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menekankan peranan latihan dan intervensi ekonomi sebagai faktor pemangkin dalam memperkasakan wanita dari segi ekonomi.

Selain itu, tahap kepuasan peserta yang tinggi terhadap pelaksanaan program menunjukkan penerimaan yang positif terhadap struktur, kandungan dan mekanisme pelaksanaan PPKW. Responden menyatakan manfaat yang jelas daripada segi peningkatan kemahiran, keyakinan diri dan kefahaman tentang strategi penjanaan pendapatan yang berkesan. Tahap kepuasan ini menjadi indikator penting dalam menilai kebolehlaksanaan dan kesesuaian program dengan keperluan sebenar kumpulan sasar. Justeru, dapatan ini memberikan petunjuk bahawa PPKW berpotensi untuk diteruskan dan diperluas pelaksanaannya kepada kumpulan sasar yang lebih luas. Kajian turut menunjukkan terdapat hubungan yang positif, kuat, dan signifikan secara statistik antara tahap keberkesanan program dengan tahap kepuasan peserta. Ini membuktikan bahawa keberkesanan pelaksanaan program memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap kepuasan peserta terhadap program yang disertai.

Justeru, itu, dapatan ini memberikan petunjuk apabila kepuasan yang tinggi ini memberikan indikasi bahawa program ini berpotensi untuk diteruskan dan diperluas pelaksanaannya dalam kalangan kumpulan sasar yang lain. Dapatan kajian turut menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan secara statistik antara tahap keberkesanan program dengan tahap kepuasan peserta terhadap program. Dapatan ini memberi gambaran bahawa keberkesanan pelaksanaan program memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kepuasan peserta terhadap program yang dilaksanakan.

Implikasi kajian ini menyokong keperluan untuk memperkuuh dan memperluas pelaksanaan program seumpama PPKW, khususnya kepada golongan wanita luar bandar, ibu tunggal, dan suri rumah yang terlibat dalam kerja penjagaan tidak berbayar. Penekanan perlu diberikan kepada aspek kelestarian projek selepas program tamat, termasuk pemantauan berterusan, pengukuhan jaringan sokongan, serta akses kepada pembiayaan dan pasaran. Cadangan penambahbaikan termasuklah pengintegrasian modul digital dan pemasaran atas talian bagi meningkatkan kebolehcapaian kepada pasaran yang lebih luas. Selain itu, kerjasama rentas agensi dan sektor swasta wajar diteroka bagi memperkuuh impak program. Kajian lanjutan juga dicadangkan untuk menilai impak jangka panjang program terhadap kesejahteraan ekonomi keluarga peserta dan tahap keterlibatan mereka dalam aktiviti ekonomi selepas tamat program.

Implikasi kajian ini menyokong keperluan untuk memperkuuh dan memperluas pelaksanaan program seumpama PPKW khususnya melibatkan golongan wanita luar bandar, ibu tunggal, dan suri rumah yang terlibat dalam kerja penjagaan tidak berbayar. Pelaksanaan program di wilayah yang dikenal pasti sebagai zon berisiko sosioekonomi tinggi seperti Sabah, Sarawak, Pantai Timur dan pedalaman Semenanjung perlu diberi keutamaan, memandangkan keterbatasan akses kepada latihan, pembiayaan dan peluang pasaran

formal di kawasan ini. Penekanan juga wajar diberikan kepada strategi kelestarian projek pasca program, termasuk pelaksanaan sistem pemantauan berfasa, pewujudan komuniti alumni peserta sebagai jaringan sokongan tempatan, serta penyediaan akses yang lebih meluas kepada pembiayaan mikro dan saluran pemasaran berstruktur.

Sebagai penambahbaikan, pengintegrasian modul digital seperti pemasaran atas talian, penggunaan e-dompet, dan pengurusan kewangan digital perlu diterapkan dalam kandungan latihan bagi meningkatkan daya saing peserta dalam ekonomi digital yang semakin berkembang. Di samping itu, kerjasama strategik antara JPW dan agensi kerajaan lain, serta pihak swasta seperti koperasi komuniti, platform e-dagang dan bank tempatan perlu diperkujuh melalui perjanjian bersama yang menjamin kesinambungan sokongan selepas tamat program. Pendekatan rentas sektor ini akan membolehkan peserta mendapat akses kepada modal, teknologi, pasaran dan bimbingan secara bersepodu.

Sehubungan itu, kajian lanjutan disarankan untuk menilai impak jangka panjang program terhadap tahap pendapatan isi rumah, pengurangan kebergantungan terhadap bantuan sosial, serta peningkatan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi formal dan keusahawanan komuniti. Bagi memperkujuh kefahaman terhadap keberkesanan program pembangunan kapasiti wanita secara lebih menyeluruh, penyelidikan masa hadapan juga dicadangkan agar menggunakan pendekatan campuran yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif secara sistematik. Pendekatan sebegini membolehkan penilaian yang lebih mendalam dilakukan terhadap perubahan sikap, motivasi dan daya tahan peserta dalam jangka panjang.

Penghargaan: Penghargaan ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, khususnya Geran Endowmen Tun Fatimah Hashim (PKW-2024-001) kerana membiayai penyelidikan ini. Penghargaan turut ditujukan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Institut Sosial Malaysia atas kerjasama dalam penyelidikan ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan termaklum diperoleh daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Alemu, A., Woltamo, T., & Abuto, A. 2022. Determinants of women participation in income-generating activities: Evidence from Ethiopia. *Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 11(66), 1-18.
- Ali, M. A., & Kamraju, M. (2023). The role of women in rural development programs di Telangana State, India. *ASEAN Journal of Community Service and Education*, 2(1), 67-8.
- Anon. (2024, 23 February). *Five things to accelerate women's economic empowerment*. <https://www.unwomen.org/en/news-stories/explainer/2024/02/five-things-to-accelerate-womens-economic-empowerment>
- Ary Ratih, G. A., & Eka Lestari, N. P. N. (2021). The role of women's empowerment through family income improvement business program in era 4.0. *Journal of Business on Hospitality and Tourism*, 7(2), 252-261.
- Astrowani. (2023a, 5 Mac). KPWKM: MyKasih Kapital bantu 14,770 wanita tingkatkan pendapatan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-mykasih-kapital-bantu-14770-wanita-tingkatkan-pendapatan-409357>
- Astrowani. (2023b, 17 April). *KPWKM terus bantu wanita jana pendapatan melalui Program Wanita Bangkit@KPWKM*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-terus-bantu-wanita-jana-pendapatan-melalui-program-wanita-bangkitkpwm-415749>
- Astrowani. (2024, 20 September). *Belanjawan 2024: Hampir 50% penduduk Malaysia wanita, apa tahap pemerkasaan wanita kini?* <https://www.astroawani.com/videos/bisnes-x7sinh/belanjawan-2024-hampir-50-penduduk-malaysia-wanita-apa-tahap-pemerkasaan-wanita-kini-x8o6v8g>
- Cohen, J. (2013). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. Taylor & Francis.

- Gombe, S. Y., & Musa, Z. (2022). Empowerment of rural women through engagement in income generating activities in Nigeria. *Bichi Journal of Technology Education (BIJOTE)*, 6(1), 46-52.
- Hashim, M. J., Yusof, M. I. N., & Ramley, N. D. A. (2023). The effectiveness of microfinance program on women's empowerment: Location as moderator. *Information Management and Business Review*, 15(2), 1-13. [https://doi.org/10.22610/imbr.v15i2\(I\).3367](https://doi.org/10.22610/imbr.v15i2(I).3367)
- Hegde, N. G. (2020). Empowerment of women for improved quality of life. *Global Journal of Human-Social Science*, 20(7), 28-37.
- Jena, P., Saryam, M., Mohanty, B. K., & Praharaj, A.K. (2021). Income generating activities of rural women: A tool for poverty alleviation and decision-making. *International Journal of Social Sciences*, 10(2), 163-171. DOI: 10.46852/2249-6637.02.2021.10
- Juli, E., Uddin, M.S., & Tangit, T.M. (2025). Life satisfaction among women in Sabah, Malaysia: A quantitative study. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 22(1), 204-216. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.16>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). (2024). <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/index>.
- Malyadri, P. (2020). Income generation schemes for sustainable development of tribal women. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8(1), 634-641. <https://doi.org/10.18510/hssr.2020.8176>
- Matovu, B. (2021). Women participation in income generating activities for socioeconomic development: A case study of Mityana Municipality, Uganda. *International Journal of Innovative Research and Advanced Studies (IJIRAS)*, 8(2), 19-27.
- Mohamad Ali Taib. (2018). Women and economy keberkesanan program membangunkan keusahawanan wanita Johor. *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)*, Johor Bahru, Johor, Malaysia, 7-8 November 2018. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1222>.
- Mohamad Sahizam Musa. (2018). Keberkesanan pelaksanaan program kumpulan nelayan wanita (KUNITA): Satu kajian kes di Terengganu. [Tesis Phd, Tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- Muhammad Fatah. (2020). Empowerment of women through organisasi pemberdayaan kesejahteraan keluarga in the family income development program in Banjarbaru City, Indonesia. *European Journal of Political Science Studies*, 3(2), 1-12.
- Namdeo, S. K., & Rout, S. D. (2017). Calculating and interpreting Cronbach's alpha using Rosenberg assessment scale on paediatrician's attitude and perception on self-esteem. *International Journal of Community Medicine and Public Health*, 3(6), 1371-1374. <https://doi.org/10.18203/2394-6040.ijcmph20161448>.
- Nor Hayati Fatmi Talib, Norfazila Ahmad, Azalinda Mat Saad, Bani Hidayat Mohd Shafie, Marlyna Fatira, Ermyna Seri & Mariahati. (2020). Peranan wanita dalam memperkasa kelestarian ekonomi, Kajian perbandingan Malaysia-Indonesia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 6(1), 47-60.
- Parvin, G. A., Ahsan, S. M. R., & Chowdhury, M. R. (2018). Women empowerment performance of income generating activities supported by rural women employment creation project (RWECP): A case study in Dumuria Thana, Bangladesh. <https://www.researchgate.net/publication/325754942>
- Priya, M., & Karthika, R. (2016). Women entrepreneurs – Satisfaction level and role conflict. *International Journal of Scientific Research*, 5(1), 1-2. [https://www.worldwidejournals.com/international-journal-of-scientific-research-\(IJSR\)/recent_issues_pdf/2016/January/January_2016_1451554902_111.pdf](https://www.worldwidejournals.com/international-journal-of-scientific-research-(IJSR)/recent_issues_pdf/2016/January/January_2016_1451554902_111.pdf)
- Purnamawati, G. A., & Utama, M. U. (2019). Women's empowerment strategies to improve their role in families and society. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(5), 119-127.
- Siti Aishah Sudin, Siti Hajar Kamaruddin & Roslina Ismail. (2024). Daya tahan usahawan program agropreneur muda Terengganu berdasarkan perspektif pegawai pelaksana. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(4), 419-435. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2104.33>
- Taylor, R. (1990). Interpretation of the correlation coefficient: A basic review. *Journal of Diagnostic Medical Sonography*, 6(1), 35-68. <https://doi.org/10.1177/875647939000600106>

- UN Women. (2024). Women's economic empowerment strategy 2024–2025. *United Nations Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women*. <https://www.unwomen.org/sites/default/files/2024-03/un-women-womens-economic-empowerment-strategy-en.pdf>
- World Bank. (2023). *The benefits and risks of engaging men in women's economic empowerment programs: Insights from rural Tunisia*. <https://blogs.worldbank.org/en/developmenttalk/benefits-engaging-men-womens-economic-empowerment-programs-insights-rural-tunisia>
- World Bank. (2024). Gender strategy 2024–2030: Accelerating equality and empowerment for all. *World Bank Group*. <https://www.worldbank.org/en/topic/gender/brief/gender-strategy-update-2024-30-accelerating-equality-and-empowerment-for-all>
- World Economic Forum. (2024). Global gender gap report 2024. *World Economic Forum*. <https://www.weforum.org/publications/global-gender-gap-report-2024/>